Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH) (e-ISSN : 2504-8562)
2023, Volume 8, Issue 9, e002476
DOI: https://doi.org/10.47405/mjssh.v8i9.2476

RESEARCH ARTICLE

Penjarian IMR dalam Persembahan Solo Bes

(IMR Fingering in Bass Solo Performance)

Mohd Shahri Ramli[1*]

[1]Akademi Seni dan Teknologi Kreatif. Universiti Malaysia Sabah, Jalan UMS, 88400 Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia.
Email: shahriramli@hotmail.com

CORRESPONDING AUTHOR (*):
Mohd Shahri Ramli
(shahriramli@hotmail.com)

KATA KUNCI:
Temu bual
Temu bual separa struktur
Analisis Tematik
Teknik penjarian
Bod jari bes elektrik
Frasa persembahan solo bes

KEYWORDS:
Interview
Semi-structured Interview
Thematic Analysis
Fingering Technique
Electric bass keyboard
Solo bass performance phase

CITATION:
Mohd Shahri Ramli. (2023). Penjarian IMR dalam Persembahan Solo Bes. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH), 8*(9), e002476. https://doi.org/10.47405/mjssh.v8i9.2476

ABSTRAK

Penulisan ini tertumpu pada kajian teknik penjarian IMR (*Index, Middle, Ring*) yang menekan bod jari bes elektrik dari perspektif persembahan solo bes. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dan temu bual telah dijalankan ke atas enam orang pemain bes di Malaysia. Data temu bual yang dikumpulkan kemudiannya ditranskripsikan dan dianalisis secara tematik. Hasil kajian telah mengenal pasti makna penjarian IMR dalam persembahan solo bes dan tema berkaitan keberkesanan teknik penjarian IMR.

ABSTRACT

This writing is focused on the study of the IMR (Index, Middle, Ring) fingering technique that presses the electric bass fingerboard from the perspective of bass solo performance. This study uses qualitative methods and interviews were conducted on six bass players in Malaysia. The collected interview data was then transcribed and analyzed thematically. The results of the study have identified the meaning of IMR fingering in bass solo performances and themes related to the effectiveness of IMR fingering techniques.

Sumbangan/Keaslian: Kajian ini berupaya memberi maklumat penting kepada pengkaji khususnya kajian perihal teknik penjarian yang menekan bod jari dalam keberkesanan melakukan persembahan frasa solo bes yang mencabar melalui beberapa teknik tertentu.

1. Pengenalan

Sering kali permainan gitar bes khususnya gitar bes elektrik dikaitkan dengan memainkan rentak atau *bassline* pada sesuatu muzik dan bersama drum menjadi tulang

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

belakang dalam menggerakkan perjalanan lagu. Namun lewat tahun 1960, persembahan bes solo telah diperlakukan oleh pemain bes terkenal dunia iaitu antaranya Monk Montgomery, Jaco Pastorius, Stanley Clarke, Louis Johnson, John Entwistle dan John Deacon. Beberapa perkara asas yang perlu dikuasai dalam permainan gitar bes sebelum dapat melakukan solo bes adalah antaranya menguasai terlebih dahulu penjarian yang menekan bod jari papan.

Teknik penjarian satu, dua, tiga dan empat adalah penjarian yang sering digunakan untuk elektrik bass manakala penjarian satu, dua dan empat untuk *Double bass* (Corey, 2011). Tumpuan kajian ini adalah penyediaan cadangan teknik penjarian yang baru untuk melakukan solo bes iaitu teknik penjarian yang menggunakan jari satu, dua dan tiga atau dikenali sebagai jari *index, middle* dan *ring* (IMR). Dalam kajian ini, singkatan nama IMR digunakan untuk mewakili cadangan teknik penjarian tersebut dan bertujuan memudahkan proses penerangan.

Ramai pemain bes amnya menghadapi masalah mencari penjarian yang sesuai dalam melakukan improvisasi terutama sekali dalam tempo yang laju. Kemampuan jari kiri dititikberatkan khususnya pencarian jari yang mampu menekan tali pada papan fret, bergerak dengan baik dan keberkesanan apabila melakukan satu improvisasi. Masalah yang sering ditemui ialah kelancaran jari itu selalu tersekat dan terganggu.

Fokus utama kajian ini ialah mengkaji penjarian tangan kiri yang berkesan menekan papan fret gitar bes semasa melakukan solo bes dalam pelbagai tempo. Semasa solo bes, jari kiri semestinya perlu bertindak sebaik mungkin untuk menekan tali pada papan fret atas tujuan penghasilan bunyi yang baik. Menurut Jason (2017), kepantasan dan kekuatan jari kiri sangat diperlukan untuk jangkauan dan kecekapan bila bermain bass gitar.

Antara permasalahan yang timbul dari penjarian yang tidak sesuai ini adalah 1) kelajuan jari untuk beralih (*shift*) dan melintas (*cross*) pada papan fret selalunya terganggu, (Mooter, 2002: 89; Bartolo, 1997: 53). Permasalahan kedua adalah 2) improvisasi solo bass dengan teknik *'bending'* selalunya memiliki masalah pemilihan jari untuk melakukannya (Overthrow, 2003). Permasalahan yang terakhir adalah 3) melakukan artikulasi teknik *trill, hammer on* dan *pull off* semasa melakukan improvisasi solo bass laju juga terganggu disebabkan penyesuaian penjarian jari kiri yang menekan papan bod jari (Bob, 2000; Todd, 2008).

1.1. Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan untuk:

i. Mengenal pasti maksud penjarian IMR dalam persembahan solo bes.
ii. Mengenal pasti teknik dan keberkesanan penjarian IMR dalam persembahan solo bes.

2. Metod


Pendekatan yang digunakan dalam kajian ini adalah kualitatif dan data kajian dikumpulkan menggunakan kaedah temu bual. Pengkaji seperti Fontana dan Frey (1994) serta Merriem (1998) menjelaskan bahawa data dari temu bual seperti temu bual berstruktur, temu bual separa berstruktur dan temu bual tidak berstruktur boleh digunakan untuk mendapat maklumat daripada informan kajian.

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Dalam kajian ini, temu bual separa berstruktur digunakan untuk mendapat maklumat dari informan. Menurut Merriem (1998), penggunaan temu bual separa berstruktur adalah bersifat fleksibel dan keadaan ini membolehkan responden menghuraikan pendapat dan pemikiran mereka. Soalan berbentuk terbuka dan pengkaji bebas untuk memburu jawapan dengan kemunculan topik yang tidak dirancang. Menurut Patton (1990), metod temu bual separa struktur ini akan mencapai matlamat topik yang diklasifikasikan dengan membenarkan penyelidik membawa arah temu bual kepada informan. Penyelidik akan bergantung pada panduan temu bual yang melibatkan kandungan soalan topik, namun penyelidik dibenarkan untuk lebih bebas untuk merungkai temu bual merujuk kepada interaksi ketika itu. Metod temu bual separa struktur ini juga memfokuskan aktiviti penyelidikan penjelajahan, penemuan, dan penafsiran yang kompleks sosial.

Soalan separa struktur mampu menimbulkan tema dari tindak balas respons informan. Rajah 1 merupakan carta alir proses soalan separa struktur. Peringkat pertama adalah format terletak antara struktur dan tidak struktur. Ini menunjukkan satu ciri yang berbentuk fleksibel dalam menentukan arah temu bual mencapai matlamat. Soalan pada mulanya, berunsur formal yang mana penentuan satu persoalan yang mesti berada pada topik dan berunsur jelas. Setelah soalan telah diberikan kepada informan, penyelidik bebas menyoal lebih mendalam tentang jawapan yang telah diberikan sekiranya matlamat belum dicapai. Proses ini akan berterusan sehingga satu tahap sekiranya maklumat sudah padat, rumusan terbaik akan ditemukan dan menjadikan data penemuan diperoleh.

Rajah 1 : Carta Alir Proses Soalan Separa Struktur



2.2. Analisis Tematik


Dapatan data dianalisis menggunakan analisis tematik yang dicipta oleh Gerald Hilton, seorang ahli fizik dan sejarah sains pada tahun 1970 (Merton, 1975). Analisis tematik ini lebih menekankan perihal kualitatif iaitu mengenal pasti, menganalisis dan corak penafsiran tema. Analisis tematik ini akan memfokuskan sesebuah frasa atau perkataan dan menerokai makna tersirat dengan jelas pada data dan perkataan itu.

Merujuk pada Rajah 2, terdapat enam fasa dalam analisis tematik iaitu 1) mengenal pasti data, 2) Kod, 3) membangkitkan tema, 4) mengulas tema, 5) mengenal pasti dan nama

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

tema, dan 6) penghasilan laporan. Merujuk pada fasa pertama iaitu mengenal pasti data rakaman suara audio dan video temu bual informan yang telah dilakukan semasa proses temu bual dijalankan. Fasa kedua iaitu kod adalah menandakan isi yang penting dengan label. Menurut Miles dan Huberman (1994), pelabelan kod boleh merujuk kepada penghasilan istilah yang digunakan oleh informan semasa sesi temu bual dijalankan. Fasa ketiga adalah membangkitkan tema yang mana pada bahagian ini akan mendapatkan tema penting untuk dianalisis. Ia sangat penting bagaimana kod itu digabungkan dan mampu mencetuskan tema. Fasa keempat adalah mengulas tema. Pada bahagian ini akan meminta penyelidik memeriksa tema penting mereka dengan kod yang disediakan untuk memastikan analisis tidak tersasar jauh dari data dan menyediakan data yang relevan kepada soalan kajian. Pada fasa ke-lima, mengenal pasti dan menamakan tema akan ditampilkan pada analisis akhir penyelidik. Pada bahagian ini, mengenal pasti hubungan tema bagaimana setiap bahagian bentuk tema mampu menggambarkan gambaran penuh data. Pada fasa terakhir iaitu penghasilan laporan yang mana penyelidik akan menulis laporan mengenai tema penting tersebut mampu memberi sumbangan sokongan yang kuat untuk kajian tersebut.

Rajah 2 : Carta Proses Dapatan Data Dianalisis Menggunakan Analisis Tematik



2.3. Soalan Temu bual Separa Struktur

Penyelidik telah menggunakan 11 soalan separa struktur bagi mendapat maklumat yang diperlukan untuk mengetahui teknik penjarian yang lebih berkesan semasa melakukan persembahan solo bes dengan rentak yang laju dan beberapa soalan berbentuk tugasan.

Soalan pertama adalah untuk mendapatkan maksud teknik penjarian tangan kiri yang menekan bod jari dalam melakukan solo bes. Soalan kedua adalah lebih menjurus kepada teknik penjarian yang diguna pakai oleh informan dalam melakukan solo bes. Tujuan soalan ini ialah untuk mendapatkan teknik penjarian yang diguna pakai oleh informan dan seterusnya mendapatkan penjelasan yang lebih mengenai teknik penjarian yang digunakan. Soalan ketiga tertumpu kepada aktiviti *shifting* melodi not yang dimainkan laju dengan penjarian jarak yang berjauhan. Soalan ini menguji keberkesanan teknik *shifting* penjarian seorang pemain bes dengan melakukan peralihan not yang jauh menggunakan teknik penjarian jari tiga. Soalan ke-empat meminta informan melakukan teknik *bending* atas tali bes gitar untuk menghasilkan lenturan menaik satu semiton atau lebih dari satu ton. Bahagian ini mengkaji pemilihan jari oleh informan melakukan improvisasi dalam key G minor menumpukan kepada teknik *bending* yang sempurna dan selesa dengan mengeluarkan ton yang jelas dan tepat.

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Soalan kelima adalah melakukan artikulasi semasa improvisasi seperti *trill*, *hammer on*, *pull off*, *slide* dan *slur not*. Ini telah dilakukan dalam pergerakan kord seperti Gm – C7, Em – C maj7 dan D maj7 – Bm7. Tujuan ini adalah untuk mendapatkan penggunaan jari yang diguna pakai semasa melakukan artikulasi tersebut. Soalan keenam adalah berkenaan pengaruh idola informan untuk persembahan solo bes yang laju. Ini bertujuan untuk mengetahui idola pilihan informan yang mencakupi stail, corak penjarian serta pengaruh dan seterusnya mendapatkan data dari pemain bes tersebut dalam membantu kajian ini. Soalan ke-tujuh adalah fahaman informan mengenai jari empat (*pinky*) dan jari tiga (*ring*) dalam persembahan solo bes. Tujuan adalah untuk mendapatkan fahaman secara teliti mengenai kedua-dua jari tersebut dalam persembahan solo bes. Soalan kelapan adalah kekerapan pengulangan ritma akan menyebabkan masalah kekejangan pada jari. Ini telah diuji dengan menggunakan keratan nota muzik yang akan disediakan dan informan akan memainkannya bagi mendapatkan data rasa kekejangan penjarian apabila dilakukan secara berulang.

Soalan ke-sembilan adalah mengenai *Lick* atau frasa pendek solo bes yang digemari dan selalu dimainkan semasa persembahan solo bes. Soalan ke- 10 adalah bertujuan mendapatkan data penjarian yang digunakan semasa melakukan *Licks.* Sebuah keratan pergerakan kord telah disediakan dan informan telah diminta untuk melakukan solo dengan menggunakan *lick* tersebut. Soalan ke-11 adalah melakukan *arpeggio* yang melibatkan lebih dari satu atau dua oktaf semasa persembahan solo bes. Ini juga bertujuan untuk mendapatkan penjarian yang digunakan oleh informan untuk melakukan arpeggio yang melibatkan satu atau dua oktaf.

2.4. Kriteria Informan Temu Bual

Pendekatan kaedah temu bual ini amat bersesuaian dalam mengenal pasti teknik penjarian yang lazim diguna pakai di kalangan pemain bes yang berpengalaman khususnya untuk persembahan solo bes pada muzik yang berentak Jazz, Funk dan Rock. Kriteria pengukuran kemahiran yang diperlukan dari informan adalah seperti; a) mempunyai pengalaman professional lebih 20 tahun dalam pelbagai genre muzik terutamanya Jazz, Funk dan Rock, b) serta boleh membaca nota muzik dan, c) menggunakan teknik penjarian serta mahir dalam persembahan solo bes tersendiri.

2.5. Proses Temu Bual

Proses temu bual dalam kajian ini telah dijalankan dengan memfokuskan pengalaman dan latar belakang pemain bes yang berbeza. Oleh itu, kaedah temu bual separa berstruktur telah digunakan untuk mengumpulkan maklumat terhadap pemikiran mereka dari sudut teori dan praktikal, pemilihan atau penggunaan jari semasa melakukan persembahan solo bes.

Proses penentuan masa dan tempat temu janji dijalankan terhadap enam informan dengan berhubung menggunakan talian panggilan telefon, Aplikasi WhatsApp dan Facebook. Setelah temu janji berjaya ditetapkan segala peralatan seperti rakaman, soalan temu bual dipastikan muktamad dan disahkan oleh penyelia. Temu bual yang pertama dijalankan bersama informan di Sabah iaitu Prof Hanafie Bin Imam dan Encik Charlie Stephenus dan barulah informan yang berada di Semenanjung Malaysia iaitu kebanyakan tempat di Kuala Lumpur. Jangka masa keseluruhan temu bual ini dijalankan dan diselesaikan selama 2 bulan lebih.

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

3. Hasil Kajian

3.1. Temu bual bersertakan kod

Seramai enam pemain bes yang layak mengikut kriteria kajian telah dipilih untuk membantu kajian ini dan Jadual 1 dirangka untuk proses pengekodan. Jadual 1 adalah penama informan, kerjaya dan pengekodan. ke enam penama di atas telah ditemu bual dengan mengikut kriteria yang ditetapkan. Tujuan pengekodan adalah untuk memudahkan proses analisis dan huraian. Kod yang digunakan adalah menggunakan huruf 'P' mewakili kepada pemain dan nombor merujuk kepada senarai informan.

Kesemua pemain bes atau informan telah memberikan jawapan kepada soalan separa struktur yang telah diberikan. Semasa proses temu bual dijalankan, informan juga telah menunjukkan permainan bes menggunakan penjarian yang mereka cadangkan merujuk dengan permintaan soalan-soalan kajian dengan menggunakan elektrik bes.

Jadual 1: Penama, Kerjaya dan Kod

Nama Informan	Kerjaya	Kod Temu Bual
Wan Azfarezal	Ahli muzik RTM Angkasapuri Kuala Lumpur	P1
Zailan Razak	Pemuzik, Instruktor	P2
Halizor Bin Hussien	Pemuzik, Instruktor	P3
Ismail Omar	Bekas ahli muzik RTM Angkasapuri Kuala Lumpur	P4
Charlie Stephenus	Ahli muzik RTM Sabah	P5
Prof Hanafie Imam	Pensyarah, pemuzik	P6

3.2. Pembangkitan Kod dan Penamaan Tema

Setelah proses transkrip rakaman temu bual melalui audio dan video menggunakan penulisan dijalankan, penulisan tersebut dibaca dan difokuskan bagi mendapatkan kod data. Merujuk pada Jadual 2, terdapat beberapa pembangkitan kod yang telah dirasakan oleh penyelidik mampu memberi data pembentukan tema. 1) tujuan melakukan persembahan solo, 2) hala tuju persembahan solo, 3) matlamat penjarian, 4) Fokus persembahan solo, 5) Penjarian yang bersistem, 6) menggunakan penjarian maksima, 7) penjarian bersifat subjektif, 8) memerlukan posisi dan peralihan. Perihal ini banyak disebutkan oleh para informan dalam menyatakan jawapan dari temu bual tersebut. Sememangnya setiap persembahan solo memerlukan perihal tersebut dalam menentukan keberkesanan penghasilan permainan yang baik khususnya penjarian.

Jadual 2 : Tema, Kod dan Penerangan Melalui Analisis Tematik

TEMA	KOD	PENERANGAN
Maksud	Tujuan penjarian	Menyatakan tujuan penjarian sebab digunakan pada frasa tertentu dalam persembahan solo bes.
	Fungsi penjarian	Fungsi penjarian dalam melakukan satu frasa.
	Matlamat penjarian	Setiap keberjayaan pergerakan penjarian memainkan satu frasa adalah matlamat penjarian.
	Fokus penjarian	Setiap not dalam frasa solo memerlukan

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

		penjarian difokuskan.
Teknik Penjarian	Bersistem	Penjarian mempunyai sistem dalam perangkaan fungsi penjarian.
	Penjarian Maksima	Merujuk kepada penjarian yang penuh iaitu *index, middle, ring* dan *pinky.*
	Bersifat subjektif	Pemain bes mempunyai hak untuk menggunakan penjarian yang dirasakan sesuai.
	Memerlukan posisi dan peralihan	Setiap penjarian memerlukan posisi dan peralihan yang tertentu dalam mengerakkan satu skel atau arpeggio.

Tema terbentuk melalui kod-kod yang telah ditemui melalui kandungan perbualan temu bual soalan separa struktur. Banyak informan menyatakan sebab mengapa memerlukan penjarian yang tertentu dalam menghasilkan satu persembahan solo bes yang baik. Dalam sebab itu juga, kebanyakan informan menghujahkan tujuan, fungsi, matlamat dan fokus penjarian yang mampu memberi keberkesanan tersebut. Oleh itu, penyelidik merangkumkan kod tersebut kepada satu perkataan atau tema iaitu maksud. Merujuk kamus Dewan Bahasa dan Pustaka, maksud adalah satu tafsiran menyeluruh satu perihal yang merujuk kepada tujuan, fungsi, matlamat dan fokus.

Dalam perihal tema teknik penjarian, informan menyatakan beberapa faktor dan kod yang mendorong kepada penggunaan teknik penjarian iaitu sistem, kelebihan, bersifat subjektif dan posisi serta peralihan dalam memastikan keberkesanan pergerakan penjarian dalam melakukan persembahan solo bes. Tema maksud dan tema teknik penjarian menjadi perihal yang akan dihuraikan lebih lanjut untuk memberi satu kesimpulan hasil temu bual soalan separa struktur yang dijalankan ke atas enam informan pemuzik berpengalaman dalam persembahan solo bes.

3.3. Perbincangan Hasil kajian

Sebanyak 11 soalan separa struktur telah dijawab oleh informan temu bual dan kemudiannya dianalisis menggunakan kaedah analisis tematik sebagai data temu bual kajian. Soalan yang telah diberikan adalah lebih kepada mendapatkan tema maksud dan penggunaan teknik penjarian. Selain itu, data juga dibandingkan merujuk kepada kesemua temu bual yang dibuat dan data yang lebih mendominasi telah dipilih untuk dihuraikan.

Tema pertama adalah untuk mengetahui tema maksud dalam penjarian tangan kiri menekan bod jari yang lebih berkesan dalam melakukan persembahan solo bes oleh informan. P3 telah menyatakan maksud iaitu apabila proses peralihan jari dapat digerakkan lancar pada bod jari dengan penglibatan kesemua jari (IMRP) dapat membantu keberkesanan persembahan solo bes. Menurut beliau adalah satu kekurangan sekiranya penggunaan jari tidak dimaksimumkan iaitu dengan menggunakan kesemua empat jari semasa memainkan melodi bes solo. P3 menyatakan telah menggunakan cara atau metod latihan Stu Hamm iaitu, empat jari dilatih lebih teliti dengan membahagikan pecahan latihan yang mampu melatih kesemua jari bergerak dengan lancar. Ini akan membantu kecekapan jari mengerakkan not kerana empat jari IMRP (*index, middle, ring, pinky*) yang telah dilatih secara efisen akan bersedia dan seterusnya memudahkan pergerakan jari memainkan melodi solo bes.

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Menurut P1, kemampuan untuk melakukan persembahan solo bes dengan menggunakan penjarian adalah lebih merujuk kepada kesesuaian skel atau keselesaan penjarian pemain bes itu sendiri. P1 telah menyatakan penggunaan penjarian IMRP (*index, middle, ring, pinky*) sebagai teknik yang tetap dan telah melatihnya sebagai rutin sehingga ia menjadi kebiasaan dan mampu mengawalnya. Pengawalan penjarian adalah menjurus kepada kemampuan mengawal jari untuk mengikut tempo dan penghasilan ton not yang baik seterusnya menjadikan permainan solo bes dapat dilakukan.

Merujuk kepada kedua-dua kenyataan dari P1 dan P3 dalam temu bual dan huraian yang telah dibuat untuk tema maksud, mereka menyatakan maksud yang mana mempunyai data persamaan dan perbezaan untuk penjarian tangan kiri menekan bod jari yang lebih berkesan dalam melakukan persembahan solo bes. Persamaan yang terhasil adalah penjelasan mengenai penggunaan penjarian yang maksima atau erti kata lain penggunaan empat jari (IMRP) mampu melancarkan pergerakan jari memainkan solo bes. Jika ditengok secara logikal, sememangnya penjarian IMRP adalah lebih ekonomi dan mampu melancarkan pergerakan not tapi ia memerlukan latihan yang tertentu untuk melatih jari dalam mengerakkannya secara efisen. Jari bergerak efisen dan latihan sebagai rutin menjadikan penjarian tersebut boleh dikawal dan berkemampuan untuk mengerakkan pergerakan jari adalah isi yang boleh diguna pakai untuk menyatakan jari boleh dilatih walaupun penggunaan jari yang tidak banyak mampu melakukan pergerakan not pada bod jari semasa persembahan solo bes.

Soalan yang menjurus kepada teknik penjarian yang digunakan juga menjadi data yang perlu dihuraikan hasil dari proses temu bual. P4 menyatakan bahawa penjarian yang beliau gunakan adalan penjarian IMRP dan ini adalah penjarian yang kerap digunakan. P4 juga menyatakan permainan solo bes pada bod jari perlu ada posisi yang tertentu, posisi ini bertujuan mengurangkan proses peralihan berlaku dan jari dapat digerakkan secara posisi. P2 berpendapat teknik penjarian perlu bersifat fleksibel dalam merangka peletakan jari dalam menghasilkan not pada bod jari seiring dengan pemikiran dan keupayaan jari. Beliau menggunakan penjarian IMRP dalam melakukan persembahan solo bes disebabkan penjarian telah serasi dengan diri beliau. P6 menggunakan teknik penjarian IMP dan berpendapat untuk melakukan solo bes memerlukan peralihan jari yang sesuai dalam membantu keberkesanan penglibatan perpindahan posisi. Penjarian IMP adalah menjurus kepada keupayaan fizikal jari yang mana jari empat (*Pinky*) berbentuk kecil serta kurang upaya memerlukan sokongan kekuatan jari bergabung dengan jari tiga (*Ring*) untuk menekan bod jari.

Pada tema menjurus penggunaan teknik penjarian tangan kiri melakukan persembahan solo bes ini, kebanyakan informan mencadangkan untuk penggunaan penjarian IMRP. Ini disebabkan kesesuaian penjarian pada posisi yang mana mampu mengurangkan proses peralihan dan seterusnya melancarkan persembahan solo bes. Tapi kebanyakan mereka juga menyatakan ia tidak semestinya, ini perlu melihat kepada kesesuaian dan penggunaan teknik penjarian masing-masing. Mereka juga tidak beranggapan teknik penjarian IMR adalah penjarian yang tidak boleh diguna pakai. Ini kerana beberapa informan iaitu P1, P2 dan P3 telah menyatakan terdapat beberapa corak penjarian melakukan *licks* yang kemungkinan besarnya memerlukan penjarian ini untuk melakukan persembahan solo bes. Seperti yang dijelaskan oleh P1 dan P3 yang mana corak penjarian IMR banyak digunakan untuk *licks* yang menggunakan skel Pentatonik dan Blues.

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH) (e-ISSN : 2504-8562)

Merujuk kepada teknik melentur tali, kebanyakan informan jelas sekali menyatakan bahawa penggunaan jari *pinky* (P) atau ke-empat tidak dapat melakukan. Ini disebabkan menurut informan jari P ini antara jari yang lemah dan keupayaan melentur tali untuk menaik dan menurun terganggu sama sekali. Merujuk pada Gambar 1, apabila melakukan lenturan, genggam tangan kiri pada leher bass perlu kuat dan pada masa yang sama jari perlulah tenang. Apabila pelenturan dilakukan, bentuk penjarian akan berubah menjadi condong yang mana jari *Index* (I), jari *middle* (M) dan *Ring* (R) akan menepi ke kiri. Menurut P2, pelenturan akan menyebabkan bentuk jari tangan yang menekan fret akan condong disebabkan genggam pada leher bass yang diperlukan. Dari pemerhatian kajian semasa informan melakukan demonstrasi permainan teknik melentur, kebanyakan penjarian yang terlibat adalah jari satu (I), dua (M) dan tiga (R) manakala jari empat (P) tidak nampak sama sekali. Kebanyakan informan menyatakan bahawa untuk melakukan lenturan mencadangkan jari I, M dan R disebabkan ia terangkum kepada kesesuaian bentuk jari iaitu genggam pada leher bass.

Gambar 1 : Penjarian IMR menggunakan teknik *Bending*



Soalan yang melibatkan artikulasi teknik *hammer on, pull off* dan *trill* juga telah dijelaskan oleh informan dan seterusnya dijadikan data untuk analisa temu bual. Menurut P1, artikulasi teknik akan dapat dilakukan dengan baik apabila pemain bes melatihnya dengan efisen. P1 juga telah mencadangkan satu latihan khas untuk melakukan artikulasi teknik yang terlibat. Oleh sebab kebanyakan informan menggunakan teknik penjarian IMRP, maka mereka mencadangkan perkara yang sama dengan P1 yang mana kesemua jari perlu dilatih dengan efisen. Menurut P4, ini berlaku secara spontan yang mana jari-jari akan meletakkan mengikut kemampuan dan keselesaan jari seperti *hammer on* dan *pull off*. Oleh sebab jari yang dilatih dengan berkali-kali sejak beberapa tahun lama dan diikuti dengan pengalaman mempersembahkan permainan solo bes menjadikan penjarian bergerak dengan spontan dan efisen. Menurut P6, artikulasi teknik dilakukan menggunakan penjarian 1, 2 dan 4 yang mana jari 3 dan 4 di gabung atau bertaut atas sebab jari 4 bersendirian adalah lemah. Latihan menggunakan teknik ini pun memang ada dan ia boleh dilakukan. Manakala menurut P1, penjarian untuk melakukan teknik-teknik tersebut memerlukan kekuatan jari dan beliau mengutamakan fokus ton atau penghasilan bunyi yang

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

sepatutnya. Kebanyakan informan menghasilkan data yang sama berkenaan teknik tersebut dan cadangan penggunaan penjarian IMRP untuk melakukannya.

Merujuk kepada data mengenai artikulasi teknik *hammer on, pull off* dan *trill* ini seperti kenyataan yang telah nyatakan oleh kebanyakan informan pada soalan penggunaan teknik penjarian untuk melakukan persembahan solo bes yang mana teknik bersifat perspektif dan boleh dilatih asalkan ton dan bunyi yang diingini terhasil. Ini bermaksud penjarian IMR juga boleh diguna pakai untuk melakukan artikulasi teknik tersebut dengan cara melatihnya secara efisen dan memastikan penjarian bergerak dengan baik atas matlamat iaitu penghasilan ton dan bunyi.

Setelah analisis temu bual telah dibuat, didapati teknik penjarian ini bersifat mengikut kesesuaian pemain bes dalam memilih penjarian yang ingin diguna pakai. Dalam maksud, teknik, cara menggunakan teknik dan fahaman penjarian jari yang menekan bod jari dalam melakukan persembahan solo bes kebanyakan informan memilih untuk menggunakan penjarian IMRP dan ada juga yang menggunakan penjarian IMP. Ini kerana masing-masing sudah terbiasa dengan penjarian dan telah melatihnya sekian lama seterusnya menjadi ia sebagai sesuatu peribadi atau sebati dengan diri mereka. Untuk pelenturan tali, rata-rata mereka mengakui teknik ini lebih sesuai menggunakan jari satu (I), dua (M) dan tiga (R) yang mana struktur bentuk jari yang condong akan membantu pelenturan. Bagi artikulasi teknik *hammer on, pull off* dan *trill* juga telah mereka nyatakan bahawa penjarian mengikut pilihan masing-masing asalkan teknik itu terhasil. Menurut dari P2 dan P6, penggunaan teknik penjarian adalah bersifat subjektif disebabkan keselesaan peribadi penjarian pemain dan mengambil kira faktor fizikal tubuh.

4. Kesimpulan

Menjelang pada zaman kini, daya kreativiti pemuzik yang kian meningkat memerlukan kreativiti khusus dalam dunia persembahan solo bes. Kajian penjarian IMR ini adalah bertujuan merungkai penjarian alternatif pada bod jari dalam membantu penghasilan persembahan solo bes khususnya untuk frasa yang mencabar. Penjarian adalah bersifat subjektif di kalangan pemain bes untuk memilih penjarian dalam melakukan persembahan solo bes. Elemen melodi dan ritma yang tercipta pada solo bes memerlukan disiplin dalam melatih teknik terutamanya jari yang terlibat dalam penghasilannya apatah lagi pada zaman kini bentuk atau idea solo bes yang bersifat unik dan memerlukan kelainan.

Metod atau kaedah analisis dapatan data adalah satu medium penting dalam fungsinya mendapatkan jawapan untuk sebarang permasalahan kajian. Metod temu bual soalan separa struktur adalah satu cara pertanyaan efektif dan bersifat fleksibel kepada informan untuk menghuraikan pandangan tulus mengenai soalan yang diberikan dan kemudiannya ditranskripsikan dengan menulis perbualan temu bual tersebut. Dalam kaedah analisis tematik, ia telah memberi satu haluan penghasilan dapatan data yang mampu menjana beberapa kod penting. Jika dilihat pada bahagian penjanaan kod dalam penulisan ini, beberapa kod tujuan, fungsi, matlamat dan fokus telah membentuk satu tema iaitu tema maksud. Manakala untuk kod penjarian sistematik, penjarian maksima, peralihan dan posisi membentuk tema teknik penjarian. Perbandingan bagi penghuraian tema ini telah dibuat dan dicetuskan pada carta alir.

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Latihan yang efisen merupakan isi yang dapat disimpulkan dari hasil temu bual bersama informan menggunakan soalan separa struktur yang mana teknik IMR ini boleh diguna pakai dalam persembahan solo bes. Kebanyakan informan menyatakan soalan bertemakan maksud penjarian tangan kiri melakukan persembahan solo adalah penglibatan kesemua jari untuk melakukannya. Namun ada juga informan yang memberi definisi maksud dengan mengikut kesesuaian skel dan keselesaan penjarian pemain bes itu sendiri. Teknik yang tetap telah dilatih secara rutin sehingga ia menjadi kebiasaan dan mampu melakukan persembahan solo bes. Latihan yang dilakukan dengan teliti dan menjadikan ia sebagai rutin membolehkan pemain bes mampu mengawal pergerakan jari dengan selesa dan semula jadi.

Melalui temu bual bertemakan penggunaan teknik penjarian juga telah menyatakan latihan yang efisen dan dijadikan sebagai rutin juga merupakan sokongan bagi kajian ini. Terdapat tiga penjarian yang telah dinyatakan dalam temu bual teknik penjarian ini iaitu IMRP, IMP dan IMR dan semestinya penggunaan IMRP adalah pilihan yang mendominasi dalam persembahan solo bes. Namun ini adalah berkaitan dengan teknik yang mempunyai ciri yang tersendiri dan kepentingan yang mana boleh membantu pemain bes menjadikan ia sebagai rujukan pemilihan penjarian. Penjarian IMR memiliki corak penjarian memainkan beberapa frasa mencabar yang mampu menjadikan teknik penjarian ini sebuah alternatif penjarian yang membantu melakukan persembahan solo bes yang mencabar.

Kelulusan Etika dan Persetujuan untuk Menyertai Kajian (*Ethics Approval and Consent to Participate*)

Penyelidikan ini menggunakan garis panduan etika penyelidikan yang disediakan oleh Universiti Malaysia Sabah (UMS). Semua prosedur yang dilakukan dalam kajian ini yang melibatkan subjek manusia telah dijalankan mengikut piawaian etika jawatankuasa penyelidikan institusi. Kebenaran dan persetujuan mengikuti kajian turut diperoleh daripada semua peserta kajian.

Penghargaan (*Acknowledgement*)

Kajian ini telah mendapat sokongan dan pembiayaan daripada Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dan Universiti Malaysia Sabah. Ucapan setinggi –tinggi terima kasih kepada KPT dan UMS serta tidak lupa juga kepada responden/informan pemain bes Malaysia yang telah sudi membantu penyelidikan ini.

Kewangan (*Funding*)

Kajian dan penyelidikan ini ditaja oleh pihak Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dan Universiti Malaysia Sabah.

Konflik Kepentingan (*Conflict of Interest*)

Penulis melaporkan tiada sebarang konflik kepentingan berkenaan penyelidikan atau penerbitan ini.

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Rujukan

Bartolo, J. (1997). *Serious electric bass: The bass player's complete guide for scale and chords.* Alfred music.

Bob, T. (2000). *The Arts of Improvisation*. Versi 1.0, Taylor: James publications.

Corey, C. (2011). *Jazz Scale for Bass*. Mel Bay Publications.

Fontana, A & Frey, J. (1994). The Art of Science. in *The Handbook of Qualitative Research*, edited by N. a. Y. L. Denzin. Thousand Oaks: Sage Publications.

Jason, A. (2017). Hand and Finger Exercise for Bass Player. https://www.livestrong.com/article/364694-hand-finger-exercises-for-bass-players/

Merriem, S. B. (1998). *Qualitative Research and Case Study Applications in Education*. (2nd ed). San Francisco: Jossey-Bass.

Merton, RK. (1975). *Thematic Analysis in Science: Notes on Holton's Concept.* Science. Health Sciences Library Mc Master University.

Miles, MB. & Huberman, AM. (1994). *Qualitative Data Analysis* (2nd edition). Thousand Oaks, CA: Sage Publications.

Mooter, G. (2002). *The Bass Player's Handbook*. Berklee Press.

Overthrow, D. (2000). *Intermediate Electric Bass, Complete Method Series National Guitar Workshop, The Complete Electric Bass Method*. Alfred Music Publishing. M/s 54 – 64

Patton, M.Q. (2002). *Qualitative research and Evaluation Methods: Qualitative Interviewing. Third Edition*. Sage Publications.

Todd, J. (2008). *Todd Johnson Electric Bass Technique Builders, Suzuki Bass School*. Alfred Music.

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).